

TEMATIK HADIS WABAK DALAM KITAB SAHIH AL-BUKHARI

Norzulaili Mohd Ghazali (Corresponding author)
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai,
Negeri Sembilan, Malaysia
E-Mail: norzulaili@usim.edu.my

Robiatul Adawiyah Mohd
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai,
Negeri Sembilan, Malaysia
E-Mail: adawiyah@usim.edu.my

Hishomuddin Ahmad
Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai,
Negeri Sembilan, Malaysia
E-Mail: hishomuddin@usim.edu.my

ABSTRAK

Wabak atau penyakit berjangkit seperti ta'un umpamanya, telah berlaku pada zaman Rasulullah SAW. Terdapat beberapa hadis yang menyebutkan tentang wabak penyakit berjangkit ini antaranya sabda Baginda SAW yang bermaksud "Apabila kamu bertemu dengan orang yang terkena penyakit kusta, maka hendaklah kamu lari (jauhi) seperti kamu berjumpa singa" (HR Bukhari). Kertas kerja ini akan mengekstrak dan menghimpunkan hadis yang mempunyai lafaz "waba", "adwa" dan "ta'un" yang terdapat dalam hadis Sahih Bukhari. Tiga perkataan ini dipilih kerana terdapat hubungan antara perkataan-perkataan ini berdasarkan Teori Medan Makna. Seterusnya hadis-hadis yang telah diekstrak akan dikeluarkan perbahasan yang terdapat padanya bagi tujuan untuk membangunkan tema. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tema hadis wabak ini mampu menjadi panduan bagi menghadapi wabak dan ianya boleh dimanfaatkan oleh individu mahupun komuniti.

Kata kunci: *Waba*, *'adwa*, *ta'un*

PENDAHULUAN

Secara umumnya, ulama hadis telah mengumpul dan menyenaraikan hadis-hadis berkaitan dengan penyakit dalam karya-karya mereka. Sebagai contoh Imam al-Bukhari memuatkan hadis-hadis berkaitan dengan penyakit dan penawar dalam *Kitab al-Tibb* dalam kitab sahih beliau. Ibn Qayyim telah mengarang satu buku yang diberi nama *Tibb Nabawiy* yang memuatkan di dalamnya himpunan hadis tentang ajaran hadis Rasulullah SAW berkaitan dengan penyakit dan penawar serta kelebihan flora dan fauna dalam perubatan.

Sehingga kini perbahasan mengenai hadis dan penyakit serta penawar masih dikaji dan diperbahaskan. Mukminah Basha¹ mengetengahkan himpunan hadis dalam artikel “*al-Maradh fi all-Sunnah al-Nabawiyah*” dengan membawa hadis-hadis berkaitan dengan panduan apabila diuji dengan sakit.

Menyentuh mengenai wabak atau penyakit berjangkit, Baginda Rasulullah SAW telah menceritakan perihal peristiwa akhir zaman yang mana akan berlaku penyebaran wabak. Sabda baginda Rasulullah SAW: “Daripada ‘Auf bin Malik RA berkata: Aku pernah menemui Nabi SAW ketika terjadi perang Tabuk dan baginda sedang berada di dalam sebuah khemah yang terbuat dari kulit. Lalu baginda bersabda: “Hitunglah enam perkara yang akan terjadi menjelang hari kiamat iaitu: kematianku, Pembebasan Baitulmaqdis (dalam riwayat lain: pemakmuran Baitulmaqdis), kematian yang menyerang kamu sekalian bagaikan penyakit yang menyerang kambing sehingga mati tiba-tiba, melimpahnya harta benda sehingga ada lelaki yang diberi seratus dinar namun masih marah (kerana merasa kurang), timbulnya fitnah sehingga tidak ada satu pun rumah orang Arab (dalam riwayat lain: rumah orang Islam) melainkan ia akan memasukinya, perjanjian yang akan berlaku antara kamu sekalian dan bangsa kulit kuning (Bani al-Asfar iaitu Rom), lalu mereka akan mengkhianati perjanjian tersebut dan mereka akan datang menghadapi kalian di bawah lapan puluh (80) panji-panji perang, di bawah setiap panji pula terdiri daripada dua belas ribu tentera”².

Huraian di atas menunjukkan perbahasan mengenai wabak atau penyakit berjangkit dalam hadis-hadis Nabi SAW telah pun berlaku sejak sekian lama. Ini membuktikan kepentingan kajian berkaitan wabak atau penyakit berjangkit. Justeru, kertas kerja ini akan membicarakan tentang hadis wabak atau penyakit berjangkit yang dimuatkan dalam Sahih Bukhari. Pengekstrakan hadis tertumpu kepada hadis-hadis yang terdapat pada matannya lafaz *waba* ‘*adwa* dan *ta’un*. Tiga perkataan ini dipilih kerana terdapat hubungan antara perkataan-perkataan ini berdasarkan Teori Medan Makna. Teori Medan Makna merupakan satu teori yang digunakan oleh para sarjana sebagai usaha untuk memahami makna. Ia menggabungkan satu perkataan dalam satu kumpulan yang sama³.

TABURAN HADIS MENGIKUT PERKATAAN DALAM SAHIH BUKHARI

Berikut adalah hasil pengekstrakan hadis Dalam Sahih Bukhari yang memiliki perkataan *wabak*, ‘*adwa* dan *ta’un*:

Bil	Perkataan	Kekerapan
1	وباء(<i>waba</i>)	7
2	عدوى(<i>adwa</i>)	10
3	طاعون(<i>ta’un</i>)	13

¹Basya, Mukminah. (2017). *al-Maradh fi al-Sunnah al-Nabawiyah*. Dalam Majallah Jami’ah al-Dimasyq, vo.27, no.3, m/s 393-412

²HR Bukhari, Kitab: al-Jihad wa la-Siyar, Bab: Du’a al Nabi SAW Ila al-Islam wa al-Nubuwwah, No. 2940

³Margarita Goded Rambaud (2012). *Basic Semantics*. Madrid: Universidad Nacional De Educacion A Distancia, 12.

Jumlah **30**

Jadual 1: Taburan hadis Dalam Sahih Bukhari yang Memiliki Perkataan Wabak, ‘Adwa Dan Ta’un

Jadual di atas menunjukkan taburan hadis dalam Sahih Bukhari yang memiliki perkataan *wabak*, ‘*adwa* dan *ta’un*. Sebanyak 7 hadis yang memiliki perkataan *waba*’. Manakala perkataan ‘*adwa* terdapat pada 10 hadis dan 13 hadis memiliki perkataan *ta’un*. Hadis-hadis ini akan dikeluarkan perbahasannya dengan merujuk kepada *kitab syuruh* dan daripada perbahasan ini akan dibentuk tema yang bersesuaian.

TEMA HADIS YANG MENDUNGI PERKATAAN (وباء WABA’)

Terdapat 7 hadis dalam Sahih Bukhari yang padanya terdapat perkataan *waba*’. Taburannya adalah seperti berikut:

Kitab	Bab	No Hadis
Tafsiran Mimpi	Sekiranya Seseorang Melihat Dalam Mimpi Bahawa Dia Mengambil Sesuatu Dan Meletakkannya Di Tempat Lain	7038,7039,7040
	Seorang wanita kulit hitam (dalam mimpi)	
	Bab seorang wanita dengan rambut yang tidak terawat (dalam mimpi)	
Kitab Mengenai Kebaikan Kota	Bab Pintu Kebencian Terhadap Nabi, Semoga Tuhan Memberkatinya Dan memberinya Kedamaian, Untuk Melucutkan Kota	1889
Kitab Perubatan	Apa Yang Telah Disebut Mengenai Wabak Itu	5729,5730
Kitab Muslihat	Bab Bermain Muslihat Untuk Lari Dari Penyakit Wabak	6973

Jadual 2: Taburan Hadis Waba’ Mengikut Kitab, Bab dan Nombor Hadis

Perbahasan hadis Sahih Bukhari yang padanya terdapat perkataan *wabak* ini berada dalam 4 kitab yang berbeza iaitu; Kitab Tafsiran Mimpi, Kitab Mengenai Kebaikan Kota, Kitab Perubatan dan Kitab Muslihat.

Tema perbahasan hadis-hadis ini boleh disimpulkan seperti berikut:

Pertama: Berkaitan Dengan Tafsiran Mimpi Baginda SAW Bahawa Wabak Boleh Berpindah

Baginda SAW pernah bermimpi berkaitan dengan wabak yang melanda Madinah. Baginda bersabda yang bermaksud:

Daripada ayah Salim: Nabi SAW bersabda: “Saya melihat (dalam mimpi) seorang wanita kulit hitam dengan rambut yang tidak teratur keluar dari Madinah dan menetap di Mahai'a. Saya menafsirkan bahawa simbol wabak Madinah yang dipindahkan ke Mahai'a, yaitu, Al-Juhfah⁴.

Ibn Hajar menyebut, mimpi Baginda ini adalah mimpi yang boleh dita'bir⁵. Ibn Battal berpandangan perkara yang dilihat oleh Baginda SAW dalam mimpi ini bukanlah membawa makna yang sebenar, sebaliknya ia adalah sebuah tamsilan⁶. Dalam Mimpi tersebut, Baginda melihat seorang perempuan kulit hitam, memiliki rambut menggerbang hingga menakutkan orang yang melihatnya. Perempuan tersebut keluar dari Madinah dan berjalan sehingga ke Juhfah⁷. Sehubungan dengan itu, Baginda SAW mentakwilkan hadis tersebut dengan mengaitkan penyakit yang melanda Madinah ketika itu akan berpindah ke Juhfah⁸. Kenapa dipindahkan ke Juhfah? Menurut apa yang dinukilkan oleh Ibn Battal, terdapat dua sebab kenapa Juhfah dipilih. Pertama, Juhfah adalah sebuah tempat yang penduduknya suka melakukan kezaliman. Kedua, Juhfah mempunyai bilangan penduduk yang sedikit. Sekiranya penyakit melanda Juhfah, kemungkinan penyakit untuk terus merebak tidak tinggi kerana bilangan penduduknya tidak ramai.⁹

Baginda SAW berdoa agar wabak penyakit yang ada di Madinah dipindahkan ke Juhfah, iaitu satu kawasan yang terletak 23 batu dari Madinah¹⁰. Doa seumpama ini bukanlah menafikan redha mahupun tawakal kepada Allah SWT. Bagaimana mungkin Baginda SAW berdoa dengan doa begini seandainya doa sebegini menafikan sifat tawakal kepada Allah sedangkan Bagindalah yang paling tinggi sifat tawakalnya¹¹.

Kedua: Berkaitan Dengan Keharusan Berdoa Untuk Menghindarkan Wabak Penyakit Dan Memohon Kesihatan Dan Kesejahteraan

Rasulullah SAW ketika berhijrah diuji dengan perasa sedih kerana terpaksa meninggalkan bumi Makkah yang sangat Baginda kasihi. Manakala beberapa orang sahabat pula apabila sampai di Madinah telah ditimpa sakit demam panas. Bilal adalah antara sahabat yang diuji dengan sakit ini sehingga Bilal berharap untuk pulang ke Mekah kerana di sana dia sentiasa berada dalam keadaan sihat. Baginda bimbang jika keadaan ini berterusan, akan timbul perasan tidak seronok di kalangan para sahabat untuk berada di Madinah. Lantas, Baginda pun berdoa dengan doa” Moga kami mencintai Madinah lebih dari Mekah”. Perbuatan baginda menunjukkan keharusan berdoa untuk menghindarkan wabak penyakit dan

⁴ HR Bukhari. Kitab Tafsiran Impian, Bab Seorang Wanita Dengan Rambut Yang Tidak Terawat (Dalam Mimpi). No: 7040.

⁵ Ibn Hajar, Ahmad bin 'Aliy bin Hajar Abu Fadhl al-'Asqalaniy (1379H). *Fath al-Bariy Syarh Sahih al-Bukhariy*. th: Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi. Beyrut: Dar al-Ma'rifah.12/425

⁶ Ibn Battal, Abu al-Hasan 'Aliy bin Khalf bin 'Abd al-Malik (2003). *Syarh Sahih al-Bukhariy*. th: Abu Tamim Yasir bin Ibrahim. Al-Riyadh: Maktabah al-Rasyd, 9/552

⁷ Al-'Ainiyy, Abu Muhammad Mahmud bin Ahmad bin Musa bin Ahmad bin Husayn al-Ghitaby al-Hanafiy Badr al-Din (t.th). *'Umdah al-Qari Syarh Sahih al-Bukhariy*. Beyrut: Dar al-Turath al-Arabiyy, 24/165

⁸ Ibn Battal, *Syarh Sahih al-Bukhariy*, 9/552

⁹ Ibn Battal, *Syarh Sahih al-Bukhariy*, 9/552

¹⁰ Ibn Hajar, *Fath al-Bariy Syarh Sahih al-Bukhariy*, 7/279

¹¹ Ibid, 10/121

memohon kesihatan dan kesejahteraan¹². Antara petikan maksud matan hadis yang menunjukkan keharusan berdoa ini ialah:

Bilal berdoa: “Ya Allah, laknat lah Syaibah, Utbah bin Rabiah dan Umayyah bin Khalaf. Sebagaimana mereka mengusir kami dari negeri kami (Makkah) ke tanah yang penuh penyakit (Yatsrib/Madinah). Kemudian Rasulullah SAW berdoa, “Ya Allah Jadikan kami mencintai Madinah, seperti cinta kami kepada Makkah. Atau lebihkan cinta pada Madinah. Ya Allah berkahilah timbangan dan ukuran kami. Sihatkan lah Madinah untuk kami. Pindahkanlah wabak penyakit ini ke kota Juhfah.” Kata Aisyah: Madinah adalah bumi Allah yang paling banyak wabak penyakitnya¹³.

Menerusi hadis ini, kita lihat bahawa Baginda SAW berdoa agar dijauhi wabak penyakit. Ini menunjukkan doa sangat berperanan dalam mengubah pelaksanaan ketentuan Allah SWT dan doa adalah penentang utama bala. Baginda SAW bersabda yang bermaksud: “Tidak ada sesuatu pun yang boleh mengubah pelaksanaan ketentuan Allah melainkan doa”¹⁴. Ibn Qayyim al-Jawziyah menyebut doa mampu mengubah dan menghalang penurunan bala. Jika bala telah menimpa, ia akan cuba menghapus dan mengurangkan kesannya¹⁵.

Ketiga: Larangan keluar dari kawasan atau tempat yang sedang dilanda wabak

Perbincangan hadis-hadis yang mengandungi perkataan wabak juga tertumpu kepada larangan keluar dari kawasan atau tempat yang sedang dilanda wabak atau masuk ke tempat tersebut.

Dalam mengupas hadis-hadis ini, Ibn Battal menukilkan pandangan al-Tabari yang mengatakan seseorang perlu berusaha mengambil langkah berjaga-jaga agar tidak terkena penyakit berjangkit. Dan sekiranya dia ditimpa penyakit hendaklah dia sabar dan tidak merungut kerana sekiranya dia mati kerana penyakit tersebut, nescaya dia mendapat pahala mati syahid¹⁶.

Selain daripada itu, tindakan tidak memasuki tempat yang sedang dilanda penyakit berjangkit adalah sesuatu yang dituntut oleh syarak kerana tindakan tersebut selari dengan larangan syarak yang menegah seseorang menjadikan dirinya terjerumus ke dalam kebinasaan¹⁷.

Sanusi Azmi menukilkan huraian yang dibuat oleh al-Imam Ibn Qayyim berkaitan dengan hikmah mengapa Rasulullah SAW menyarankan agar kawalan pergerakan ini dilaksanakan. Antara hikmah tersebut ialah:

- a. Menjauhi sebab-sebab yang boleh membinasakan manusia

¹² Ibn Battal, *Syarh Sahih al-Bukhariy*, 4/558

¹³ Ibid. Kitab mengenai kebaikan kota. Bab pintu kebencian terhadap Nabi, semoga Tuhan memberkatinya dan memberinya kedamaian, untuk melucutkan kota. No 1889.

¹⁴ Al-Tirmizi, 2139

¹⁵ Ibn Qayyim al-Jawziyah, *al-Jawab Al Kafi*, 24.

¹⁶ Ibn Battal, *Syarh Sahih al-Bukhariy*, 9/422

¹⁷ Ibn Hajar, *Fath al-Bariy Syarh Sahih al-Bukhariy*, 10/185

- b. Mengutamakan kesihatan dan kesejahteraan yang merupakan tuntutan asas dalam kehidupan manusia.
- c. Larangan menjauhi udara yang telah dicemari kerana dibimbangi akan menyebabkan lebih ramai yang terkena penyakit.
- d. Mengambil langkah pencegahan daripada penyebaran penyakit dengan menjarakkan diri daripada orang yang sudah terkena penyakit.

Larangan Rasulullah SAW agar mereka yang berada dalam kawasan wabak tidak keluar dari kawasan tersebut dan orang luar pula tidak masuk ke situ membuktikan kemukjizatan Nabi SAW. Ini kerana larangan pada orang luar untuk masuk ke daerah atau kawasan wabak merupakan hal yang mudah difahami. Tetapi melarang orang yang tinggal di daerah wabak keluar dari daerahnya walaupun dia dalam keadaan sihat sekalipun, merupakan hal yang agak sukar untuk difahami. Namun ternyata kemajuan sains dan teknologi dalam bidang kedokteran telah membuktikan kebenaran dan ketepatan larangan nabi ini¹⁸. Ini kerana jika individu yang masih sihat di daerah yang terkena wabak kekal di daerah mereka, mereka mempunyai risiko akan terkena virus wabak tersebut. Sekiranya mereka yang belum terkena wabak memilih untuk melarikan diri dari daerah mereka, tindakan itu kemungkinan menyebabkan wabak menular pula kepada penduduk daerah atau tempat lain. Ini seperti yang kita tahu bahawa seseorang mungkin positif wabak tapi belum nampak kesannya pada peringkat awal. Juga mungkin dia belum positif disebabkan antibodi yang kuat, tapi dia pembawa virus. Dia mungkin merasakan melarikan diri ke tempat lain itu dapat menyelamatkan dirinya, padahal dia berkemungkinan membawa penyakit bersamanya kepada orang lain. Maka, Nabi s.a.w menyuruh mereka itu kekal di negeri atau tempat tersebut sekalipun mempunyai risiko yang besar. Maka, kekalnya mereka di tempat mereka seperti mengorbankan diri sendiri demi menyelamatkan orang lain. Maka, di situ mereka mendapat pahala syahid jika mereka melakukannya kerana menunaikan perintah Nabi s.a.w dalam keadaan sabar dan mengharapkan pahala¹⁹.

Huraian di atas menunjukkan bahawa tema bagi 7 hadis Sahih Bukhari yang mempunyai perkataan *waba'* merangkumi tiga tema penting iaitu berkaitan dengan tafsiran mimpi yang memberi syarat bahawa penyakit boleh berpindah ke tempat lain. Tema kedua memberitahu kita tentang kepentingan berdoa untuk memohon kesejahteraan dan dijauhkan daripada penyakit. Sementara tema ketiga pula berkaitan dengan larangan masuk ke tempat atau daerah yang sedang dilanda penyakit atau keluar dari tempat tersebut.

TEMA HADIS YANG MENGANDUNGI PERKATAAN **عدوى** ('ADWA)

Perkataan *'adwa* dalam hadis Sahih Bukhari diulang sebanyak 10 kali. Kesemua hadis ini dimuatkan dalam 5 bab iaitu; Bab *Al-Tiyara*, Bab Kusta, Bab *Al-Fa'l* (Pertanda Baik), Bab Tidak Ada Penyakit Safar yang Melanda Perut dan Bab Tidak Ada *Haamah* (Burung Hantu). Kesemua bab ini terdapat dalam satu kitab sahaja iaitu Kitab Perubatan. Taburan hadis-hadis ini adalah seperti berikut:

¹⁸ Yusuf al-Hajj Ahmad (2012). *Ensiklopedia Kemukjizatan Sains Dalam al-Quran & Sunnah*, Batu Caves: Dar al-Hidayah, 574

¹⁹ <https://mufti.perlis.gov.my/index.php/minda-mufti/285-memahami-hadis-pahala-syahid-duduk-di-rumah-semasa-wabak-2>

Kitab	Bab	No Hadis
Kitab Perubatan	Bab Al-Tiyara	5753
	Bab Kusta	5707
	Bab Al-Fa'l (Pertanda Baik)	
	Bab Tidak Ada Penyakit Safar Yang Melanda Perut	5717
	Bab Tidak Ada Haamah (Burung Hantu)	5757, 5770, 5771, 5772, 5773, 5774, 5775, 5776

Jadual 2: Taburan Hadis Adwa Mengikut Kitab, Bab dan Nombor Hadis

Hadis-hadis yang mengandungi perkataan 'adwa dimulai dengan huruf "لا" (La) yang membawa maksud 'tiada' iaitu menafikan. Antara hadis yang terdapat padanya perkataan 'adwa ialah:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «لَا عَدْوَى وَلَا طَيْرَةٌ، وَلَا هَامَةٌ وَلَا صَفَرٌ»²⁰

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah: Nabi SAW bersabda, "Tidak ada penyakit berjangkit, tidak ada ramalan buruk, tidak ada sial burung hantu dan tidak ada sial bulan Safar.

Rumusan perbahasan tema hadis-hadis yang mengandungi perkataan 'adwa adalah seperti berikut:

Pertama: Penafian adanya penyakit berjangkit sebagaimana yang disebut oleh Rasullullah SAW dalam hadis baginda

Hadis ini membatalkan kepercayaan masyarakat Jahiliyah yang mengatakan penyakit boleh berjangkit secara semulajadi dengan bersentuh atau duduk bersebelahan dengan orang yang sedang sakit²¹. Oleh yang demikian, hadis "tiada jangkitan" menegaskan tiada jangkitan secara semula jadi, tetapi Allah ia berlaku dengan kehendak Allah SWT. Pergaulan seorang yang berpenyakit dengan seorang yang sihat hanyalah sebab kepada berlakunya jangkitan. Suatu perkara yang perlu difahami dengan betul ialah penyakit boleh berjangkit dan penyakit tidak semestinya berjangkit.

²⁰ HR Bukhari, Kitab: Perubatan, Bab: Tidak Ada Haamah (Burung Hantu). No 5757.

²¹ Ibn Hajar, *Fath al-Bariy Syarh Sahih al-Bukhariy*, 1/154

Kedua: Terdapat kaitan antara tawakal dan penafian wujud penyakit yang boleh berjangkit.

Ibn Battal Ketika mengupas hadis “لا عدوى” ini. Beliau menyebut perkataan “لا عدوى” ini ditujukan kepada orang yang kuat iman dan tawakkalnya, yang dapat menghindari diri daripada terjerumus ke dalam iktiqad bahawa penyakit itu berjangkit. Dan tidak menjadi masalah kepada mereka untuk makan bersama dengan pengidap kusta. Adapun perintah supaya menjauhi pengidap kusta sebagaimana yang disebut dalam hadis yang bermaksud: “Tidak ada penyakit berjangkit, tidak ada ramalan buruk, tidak ada sial burung hantu dan tidak ada sial bulan Safar, dan larilah daripada pesakit kusta sebagaimana kamu lari daripada singa”²², dituju kepada mereka yang lemah iman dan keyakinannya. Ini kerana dibimbangi mereka tergelincir didalam kepercayaan terhadap berjangkitnya penyakit ketika terkena penyakit itu selepas makan bersama. Maka bagi yang seumpama ini diarahkan menjauhi diri daripada pesakit sebagai langkah berhati-hati²³.

Selain daripada itu, bukanlah satu pegangan yang betul apabila seseorang mendakwa dia bertawakal, sedangkan tiada usaha untuk mengelakkan diri daripada penyakit yang boleh berjangkit. Hal ini termasuklah melanggar akan peraturan dan perintah yang telah ditetapkan oleh kerajaan atau pihak berkuasa dengan alasan dia bertawakal kepada Allah SWT.

Ketiga: Semua Penyakit Terjadi Dengan Takdir Allah SWT

Ibn Hajar menukil pandangan al-Tabari di mana perintah supaya menjauhi orang yang dijangkiti penyakit sopak adalah sebagai langkah berjaga-jaga agar tidak disangka bahawa penyakit itu berlaku dengan jangkitan. Walhal ia berlaku ketika mana bertepatan takdir Allah dan waktu terkenanya penyakit itu pada seorang yang sihat, ketika dia berdekatan dengan seorang yang sakit²⁴.

Sementara itu, perintah supaya menjauhi orang yang dijangkiti sopak adalah bertujuan untuk menjaga lintasan mereka. Berkemungkinan apabila dia melihat orang yang sihat, timbul dihatinya kekesalan di atas musibah yang menimpa diri²⁵. Hal ini dibenarkan melalui sabda Nabi SAW yang bermaksud: “Janganlah kamu berterusan melihat orang yang terkena penyakit sopak”.

Sepintas lalu, dilihat bahawa hadis yang menafikan adanya penyakit berjangkit bertentangan dengan hadis yang menuntut agar dijauhi individu yang terkena penyakit sopak atau kusta. Bagi merungkai pertentangan ini, hadis ini perlu difahami bahawa penyakit sopak merupakan *takhsis* daripada keumuman penafian penyakit berjangkit. Ia memberi maksud “tidak ada jangkitan kecuali penyakit sopak”²⁶.

Kesimpulannya, tema bagi 10 hadis Sahih Bukhari daripada Kitab Perubatan yang mengandungi perkataan *’adwa* menyentuh tentang penafian kewujudan penyakit berjangkit dan keperluan kepada

²² Ibid. Kitab perubatan. Bab kusta. No 5707

²³ Ibn Battal, *Syarh Sahih al-Bukhariy*, 9/409

²⁴ Ibn Hajar, *Fath al-Bariy Syarh Sahih al-Bukhariy*, 10/159.

²⁵ Analisis Hadith Penyakit Berjangkit: Mendepani Cabaran Pasca Moden, Nik Mohd Nabil Ibrahim @ Nik Hanafi, Abdul Hakim Baharudin @ Ismail, Muhammad Izzat Razali, Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (Irsyad2017) 3rd International Conference On Islamiyyat Studies (Irsyad2017), 651

²⁶ Ibn Battal, *Syarh Sahih al-Bukhariy*, 9/409

memahami konsep bertawakkal dalam isu berkaitan dengan penyakit berjangkit. Di samping itu, ada hadis yang menunjukkan kewajipan menerima hakikat bahawa setiap penyakit datangnya dariapda Allah dan bukan terjadi kerana berjangkit daripada individu yang terkena penyakit tersebut.

TEMA HADIS YANG MENGANDUNGI PERKATAAN TA'UN

Terdapat sebanyak 13 hadis dalam Sahih Bukhari yang mengandungi perkataan *ta'un*. Ia dimuatkan dalam 7 bab iaitu; Kitab Perubatan, Kitab Kebajikan Madinah, Kitab Memperjuangkan Sebab Allah (Jihaad), Kitab Hadis Para Nabi, Kitab Kehendak Ilahi (Al-Qadar), Kitab penderitaan dan akhir dunia dan Kitab Keesaan, Keunikan Allah (Tauhid). Taburan hadis-hadis ini adalah seperti berikut:

3:

Kitab	Bab	No Hadis
Kitab Perubatan	Apa Yang Telah Disebut Mengenai Wabak Itu	5728
		5731, 5732
	Pahala Orang Yang Menderita Wabak Dan Tetap Sabar	5734
Kitab Kebajikan Madinah	Ad-Dajjal Tidak Akan Dapat Memasuki Al-Madina	1880
Kitab Memperjuangkan Sebab Allah (Jihaad)	Terdapat Tujuh Syahid Selain Dibunuh Dalam Jihad	2830
Kitab Hadis Para Nabi	Hadith Al-Ghaar	3473, 3474
Kitab Kehendak Ilahi (Al-Qadar)	Katakanlah: "Tidak Ada Yang Akan Terjadi Kepada Kami Kecuali Apa Yang Telah Ditetapkan Oleh Allah Untuk Kami ...".	6619
Kitab Penderitaan Dan Akhir Dunia	Ad-Dajjal Tidak Akan Dapat Memasuki Al-Madina	7133, 7134
Kitab Keesaan, Keunikan Allah (Tauhid)	Kehendak (Allah).	7473

Jadual

Taburan Hadis Ta'un Mengikut Kitab, Bab dan Nombor Hadis

Tema perbahasan bagi 13 hadis dalam Sahih Bukhari yang mengandungi perkataan *ta'un* adalah seperti berikut:

Pertama: Kaitan antara *wabak* dan *ta'un*

Sebahagian ulama tidak membezakan antara *wabak* dan *ta'un*. Manakala sebahagian yang lain berpendirian keduanya berbeza tatkala mana Baginda menyebut *wabak* di Madinah, ia bukan bermaksud penyakit *ta'un* tetapi penyakit bermaksud demam panas²⁷. Qadhi 'Iyadh berpendapat *wabak* adalah umum bagi penyakit, sementara *ta'un* lebih spesifik di mana ia merupakan satu penyakit yang berasal daripada luka yang ada pada badan²⁸. Selain daripada itu, ahli Bahasa juga turut berpendirian *wabak* adalah penyakit yang umum²⁹. Sementara Qurtubiy berpendapat *ta'un* lebih umum daripada *wabak* dan ia merupakan penyakit yang membunuh ramai manusia³⁰.

Imam Muslim menyatakan bahawa *ta'un* adalah sejenis luka bernanah yang keluar daripada tubuh manusia, sama ada pada seluruh badan atau anggota-anggota tertentu sahaja seperti ketiak, siku dancelah-celah jari. Disebut juga bahawa *ta'un* adalah sejenis *wabak* penyakit seperti pembengkakan kelenjar yang amat menyakitkan dan ia boleh membunuh³¹.

Kedua: Larangan masuk ke tempat yang dilanda penyakit *ta'un* atau keluar dari tempat tersebut

Larangan Rasulullah SAW ini adalah bersifat memberi amaran dan peringatan agar tiada sesiapa yang keluar dari tempat yang ditimpa *ta'un* mahupun masuk ke tempat yang sedang dilanda *ta'un*. Ingatan dan amaran ini sekaligus mengelakkan sangkaan atau fitnah sekiranya kematian berlaku kerana memasuki tempat yang sedang dilanda penyakit berjangkit atau keluar dari tempat itu dijadikan itu sebab kematian, sedangkan ia adalah takdir Allah SWT³². Menahan diri daripada memasuki atau keluar dari tempat yang sedang dilanda *wabak* penyakit merupakan salah satu sebab yang dikira sebagai ikhtiar untuk mengelakkan diri daripada terkena penyakit tersebut³³. Ia juga merupakan satu tindakan *sadd al-zarai'* bagi menjauhi diri daripada terkena sesuatu penyakit³⁴. Pada masa kini, larangan ini dikenali sebagai kuarantin kuarantin yang berperanan membataskan tersebar virus dengan meluas³⁵.

Ketika *wabak* melanda bumi Syam, tidak dibenarkan keluar melarikan diri daripada *wabak ta'un* tersebut walau dengan apa tujuan sekalipun termasuklah untuk berniaga atau seumpamanya. Baginda menyifatkan orang yang melarikan diri daripada *ta'un* itu seolah-olah dia lari daripada takdir Allah SWT.

²⁷ Ibn Hajar, *Fath al-Bariy Syarh Sahih al-Bukhariy*, 10/133

²⁸ Ibid, 10/180

²⁹ Ibid, 10/181

³⁰ Ibn Hajar, 10/191

³¹ Sanusi, *40 Hadis Tentang Wabak Penyakit*, (2020), Bandar Baru Nilai: Ulum Hadith Research Centre, 10

³² Ibn Battal, *Syarh Sahih al-Bukhariy*, 9/425

³³ Ibn Hajar, *Fath al-Bariy Syarh Sahih al-Bukhariy*, 10/185

³⁴ Ibid 10/185

³⁵ Yusuf al-Hajj Ahmad, *Ensiklopedia Kemukjizatan Sains Dalam al-Quran & Sunnah*, 572

Selain daripada itu, larangan tidak dibenarkan untuk memasuki bumi Syam kerana dikhuatiri akan terkena wabak tersebut³⁶.

Dalam membendung penularan pandemic COVID-19, sudah tentu pendekatan kerajaan yang melakukan sekatan merentas negeri mahupun negara dilihat sebagai satu tindakan yang bijak dan kena pada tempatnya. Walaupun sekatan perjalanan ini merupakan suatu tindakan yang dapat membendung penularan wabak, namun ia bukanlah satu-satunya pendekatan yang boleh dilakukan oleh pemimpin. Pemimpin bebas memilih cara dan pendekatan yang sesuai dengan konteks mereka asalkan penularan itu berjaya diatasi. Sejarah juga membuktikan bahawa Saiyidina Umar al-Khattab dan amru bin al-'As juga memilih pendekatan yang berbeza semasa membendung wabak ta'un di zaman mereka³⁷.

Ketiga: Pahala syahid bagi mereka yang meninggal dunia kerana ta'un

Ibn Battal menukulkan pandangan al-Tabari yang mengatakan seseorang perlu berusaha mengambil langkah berjaga-jaga agar tidak terkena penyakit berjangkit. Dan sekiranya dia ditimpa penyakit hendaklah dia sabar dan tidak merungut kerana sekiranya dia mati kerana penyakit tersebut, nescaya dia mendapat pahala mati syahid³⁸.

Jika dilihat dengan mata kasar, penyakit yang menimpa manusia merupakan suatu azab yang memerit dan menyusahkan. Tetapi, bagi seorang muslim, ujian penyakit ini adalah suatu rahmat yang boleh menjadikan seseorang itu lebih sabar dan reda dalam menempuh ujian, tidak menganggapnya sebagai azab. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Sesungguhnya ta'un itu adalah sebagai azab yang dikirimkan oleh Allah kepada siapa saja yang dikehendaki olehNya, dan sesungguhnya Allah juga menjadikannya sebagai kerahmatan kepada kaum mukminin. Tiada seorang pun yang tertimpa oleh taun, kemudian menetap di negerinya sambil bersabar dan mengharapkan keredhaan Allah serta mengetahui pula bahawa ta'un itu tidak akan mengenainya kecuali kerana telah ditetapkan oleh Allah untuknya, melainkan ia akan memperolehi seperti pahala orang yang mati syahid³⁹". Difahami daripada hadis ini, kerana sifat reda dan sabar atas ujian ini, mereka berhak mendapat pahala mati syahid⁴⁰.

Selain daripada itu, orang Muslim harus yakin bahawa ujian dan dugaan ditimpa penyakit atau bala adalah tanda kecintaan Allah SWT kepada hambaNya. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Sesungguhnya kebesaran kadar sesuatu ganjaran adalah berdasarkan kadar kadar ujian yang menimpa. Apabila Allah mencintai sesuatu kaum, Allah akan menguji mereka. Jika seseorang itu reda dengan penuh ketenangan, maka dia akan beroleh keredaan Allah. Jika seseorang itu memprotes maka dia akan beroleh kemurkaan".

Kesimpulannya, tema perbahasan bagi 13 hadis Sahih Bukhari yang mempunyai lafaz *ta'un* terbahagi kepada tiga tema utama iaitu; tema yang menjurus kepada kaitan makna antara perkataan *waba'* dan *ta'un*, tema yang berkaitan dengan larangan masuk ke kawasan yang ada penyakit berjangkit atau keluar

³⁶ Ibn Hajar, *Fath al-Bariy Syarh Sahih al-Bukhariy*, 8/326

³⁷ Khairul Husayni bin Jamil (2020). *Nasamat al-'Aun, Kuala Lumpur: Himpunan Keilmuan Islam*, 15.

³⁸ Ibn Battal, *Syarh Sahih al-Bukhariy*, 9/422

³⁹ Kitab Hadis Para Nabi, bab Hadith Al-Ghaar, no 3473

⁴⁰ Sanusi Azmi, *40 Hadis Tentang Wabak Penyakit*, 8.

dari kawasan tersebut dan tema yang membicarakan tentang pahala syahid bagi mereka yang meninggal dunia akibat serangan penyakit *ta'un*.

KESIMPULAN

Kesemua pecahan tema perbahasan bagi hadis-hadis Sahih Bukhari yang mempunyai perkataan *waba'*, *'adwa* dan *ta'un* telah dibicarakan pada perbahasan sebelum ini. Terdapat satu tema yang berulang iaitu tema larangan masuk ke kawasan yang ada penyakit berjangkit atau keluar dari kawasan tersebut. Tema ini disentuh dalam hadis yang mempunyai perkataan *waba'* dan juga hadis yang mempunyai perkataan *ta'un*. Secara umumnya tema-tema perbahasan bagi 30 hadis Sahih Bukhari yang mempunyai perkataan *waba'*, *'adwa* dan *ta'un* ini terbahagi kepada 8 tema perbahasan seperti berikut:

1. Berkaitan Dengan Tafsiran Mimpi Baginda SAW bahawa wabak penyakit berpindah dari Madinah ke Juhfah
2. Berkaitan Dengan Keharusan Berdoa Untuk Menghindarkan Wabak Penyakit Dan Memohon Kesihatan Dan Kesejahteraan
3. Larangan Keluar Dari Kawasan Atau Tempat yang Sedang Dilanda Wabak atau masuk ke kawasan tersebut
4. Penafian Adanya Penyakit Berjangkit Sebagaimana Yang Disebut Oleh Rasulullah SAW Dalam Hadis Baginda
5. Terdapat kaitan antara tawakal dan penafian wujud penyakit yang boleh berjangkit.
6. Kaitan antara *wabak* dan *ta'un*
7. Pahala syahid bagi mereka yang meninggal dunia kerana *ta'un*

Sebagai keispulannya, dapatlah dirumuskan bahawa asas utama kepada tema perbahasan hadis-hadis Sahih Bukhari yang mempunyai perkataan *waba'*, *'adwa* dan *ta'un* ialah mengimani bahawa Allah Maha berkuasa dalam memberi kesihatan mahupun sebaliknya kepada manusia. Sesungguhnya tiada satu penyakit pun yang akan terkena pada seseorang melainkan ia telah ditakdirkan oleh Allah SWT. Selain daripada itu, difahami juga daripada perbahasan ini bahawa setiap manusia yang diuji dengan penyakit berjangkit yang mungkin membawa maut perlu berusaha mencari penawar dan tidak boleh berputus asa. Seandainya tidak bertemu penawar hingga mengakibatkan kematian, maka bagi mereka pahala syahid. Di samping itu, tema larangan keluar dari kawasan atau tempat yang sedang dilanda wabak atau masuk ke kawasan tersebut menunjukkan Islam amat menitikberatkan keselamatan dan nyawa manusia. Dengan mengawal pergerakan ia dapat membataskan penyebaran virus yang akan memudharatkan manusia. Larangan ini sekaligus boleh menjadi asbab yang melindungi diri daripada terkena penyakit berjangkit. Antara intipati tema yang boleh diambil pengajaran juga ialah kuasa doa memohon kepada Allah SWT sama ada sebelum terkena penyakit mahupun semasa diuji dengan penyakit.

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini mendapat sokongan daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di bawah Skim Geran Penyelidikan Usim Covid-19-PPPI/COVID19_0120/FPQS/051000/14920: "Pendekatan Rasulullah Dalam Mendepani Penyakit Berjangkit Berdasarkan Hadis Wabak Dalam Sahih Bukhari" dan PPPI/COVID19_0120/FPQS/051000/15020: Pentafsiran Ayat Wabak Dalam Al-Quran Menurut

Pandangan Sarjana Tafsir Imam Al-Razi Dan Syeikh Mutawalli Syarawi” dengan kerjasama Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Al-Bukhari, Abu Abdillah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim. (1958). *Sahih al-Bukhari*. Misr: Mustafa al-Babiyy wa Awladuhu.

Al-‘Ainiy, Abu Muhammad Mahmud bin Ahmad bin Musa bin Ahmad bin Husayn al-Ghitabiy al-Hanafiy Badr al-Din (t.th). ‘Umdah al-Qari Syarh Sahih al-Bukhariy. Beyrut: Dar al-Turath al-Arabiy.

Basya, Mukminah. 2017. Al-Maradh fi al-Sunnah al-Nabawiyyah. Dalam Majallah Jami’ah al-Dimasyq, vo.27, no.3, 393-412.

Faisal Ahmad Shah. 2016. Kaedah Tepat Memahami Hadis. Kuala Lumpur: UM Press.

Ibn Battal, Abu al-Hasan ‘Aliy bin Khalf bin ‘Abd al-Malik. (2003). Syarh Sahih al-Bukhariy. th: Abu Tamim Yasir bin Ibrahim. Al-Riyadh: Maktabah al-Rasyd.

Ibn Hajar, Ahmad bin ‘Aliy bin Hajar Abu Fadhl al-‘Asqalaniy (1379H). Fath al-Bariy Syarh Sahih al-Bukhariy. th: Muhammad Fuad ‘Abd al-Baqi. Beyrut: Dar al-Ma’rifah.

_____. T.th. Baz al- Ma’un fi Fadh al-Tha’uun. Riyadh: Dar al-‘Asimah.

Ibn Qayyim, al-Jawziyah. Tibb al-Nabawiy. 2004. Beyrut: Dar al-Fikr.

Margarita Goded Rambaud. 2012. Basic Semantics. Madrid: Universidad Nacional De Educacion A Distancia.

Norfarhana Ahmad Ghafar, et.al. 2016. Kajian Teori Medan Makna Dalam Kalangan Sarjana-Sarjana Islam. Dlm al-Qanadir International Journal of Islamic Studies, Vol.4, No.2.

Al-Bukhari, Abu Abdillah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim. (1994). *Sahih al-Bukhari*. Beyrut: Dar al-Fikr.

Faisal Ahmad Shah. 2016. Kaedah Tepat Memahami Hadis. Kuala Lumpur: UM Press.

Faridah Nazir & Faiziah Shamsudin. 2014. Semantik dan Peristilahan Bahasa Melayu. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Ibn Qayyim, al-Jawziyah. Tibb al-Nabawiy. 2004. Beyrut: Dar al-Fikr.

Khairul Husayni bin Jamil. (2020). Nasamat al-‘Aun, Kuala Lumpur: Himpunan Keilmuan Islam.

Muhammad Natsir. 2017. Penerapan Teori Medan Makna Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. Dlm Jurnal Edulingua, Vol.4, no.1.

Nik Mohd Nabil Ibrahim, et.al. 2017. Analisis Hadith Penyakit Berjangkit: Mendepani Cabaran Pasca Moden. Dalam Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (Irsyad2017) 3rd international conference on islamiyyat studies (irsyad2017).

Norfarhana Ahmad Ghafar, et.al. 2016. Kajian Teori Medan Makna Dalam Kalangan Sarjana-Sarjana Islam. Dlm al-Qanadir International Journal of Islamic Studies, Vol.4, No.2.

Sanusi Azmi (2020) 40 Hadis Tentang Wabak Penyakit. Bandar Baru Nilai: Ulum Hadith Reseach Centre

www.dorar.net

<https://mufti.perlis.gov.my/index.php/minda-mufti/285-memahami-hadis-pahala-syahid-duduk-di-rumah-semasa-wabak-2>